# Garis PANDUAN

PERBADANAN PUTRAJAYA



## KERJA-KERJA KECIL DAN UBAHSUAI BANGUNAN KEDIAMAN DI PUTRAJAYA




2014

PERBADANAN PUTRAJAYA



# GARIS PANDUAN KERJA-KERJA KECIL DAN UBAHSUAI BANGUNAN KEDIAMAN DI PUTRAJAYA

## 1. ISI KANDUNGAN:


| BIL | KANDUNGAN | MUKASURAT |
|---|---|---|
| 1 | Isi Kandungan | 1 |
| 2 | Tujuan dan Skop Buku Panduan | 2-8 |
| 3 | Panduan  Ubahsuai Fasad Bahagian Hadapan, Sisi Dan Belakang Kediaman | 9-19 |
| 4 | Rajah Kasar / Ilustrasi: Pelan Ubahsuai Kediaman Yang Dibenarkan | 20-31 |
| 5 | Carta Aliran Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubahsuai Kediaman | 32 |
| 6 | Lampiran : Contoh Borang-Borang Permohonan Berkaitan Ubahsuai Kediaman | 33-36 |

## 2. TUJUAN DAN SKOP BUKU PANDUAN

1. Buku panduan ini bertujuan untuk menerangkan garis panduan yang lengkap beserta ilustrasi mengenai keperluan-keperluan khusus yang menunjukkan jenis kerja-kerja kecil dan ubahsuai bangunan,

2. Semua kerja-kerja binaan/ ubahsuai hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada pemilik tanah/ bangunan dengan mengemukakan sesalinan surat perjanjian sewa-beli atau surat Hakmilik atau salinan surat Perjanjian Jual-beli (sekiranya nama berlainan dengan surat hakmilik). Pemilik adalah bertanggungjawab sepenuhya ke atas kestabilan dan kekukuhan semua struktur –struktur yang dibina mengikut garis panduan ini. **Pihak PPj tidak bertanggungjawab ke atas segala tuntutan, dakwaan atau tindakan yang diakibatkan dari pembinaan kerja-kerja kecil mengikut peruntukan di dalam buku panduan ini.**






CONTOH PELAN KESELURUHAN UNTUK KERJA-KERJA UBAH SUAI KEDIAMAN UNTUK REKA BENTUK BUMBUNG MODEN DI PUTRAJAYA

## TAKRIFAN UBAHSUAI

- Semua kerja-kerja yang melibatkan *subdivision* bahagian bilik menjadi bilik-bilik kecil.
- Semua kerja tambahan kepada bangunan asal (menambah keluasan lantai & menambah apa-apa struktur tambahan).
- Sebarang kerja pemecahan kepada dinding asal bangunan
- Semua kerja ubahsuai kemasan dalaman bangunan
- Semua kerja penambahan/perubahan kepada peralatan sanitari, sistem perpaipan & pendawaian dsb.
- Tambahan/perobohan/ubahsuai lain yang dinyatakan dalam Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133).





## FAKTA UBAHSUAI KEDIAMAN DI PUTRAJAYA

- Sebarang kerja-kerja pengubahsuaian yang melibatkan perubahan fasad adalah **TIDAK DIBENARKAN** di kawasan Putrajaya. Ini adalah untuk memelihara keindahan, keunikan dan keseragaman bangunan kediaman di Putrajaya sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas dalam Pelan Rancangan Tempatan (RT) bagi Kawasan Putrajaya.
- Walau bagaimanapun, PPj hanya membenarkan pembinaan struktur tambahan kayu berbentuk pergola dan berbumbung *polycarbonate*, pada bangunan-bangunan kediaman.
- Apa-apa ruang tambahan di bahagian tepi rumah hanya boleh digunakan sebagai ruang rehat/ santai sahaja.
- Tambahan struktur berbumbung berbentuk pergola pada ruang jemuran *(dry-yard)* hendaklah dikekalkan fungsi asalnya sebagai tempat jemuran.
- Semua kerja-kerja tambahan pada bangunan asal adalah tertakluk kepada pemakaian Seksyen 70, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)



CONTOH PELAN KESELURUHAN UNTUK KERJA-KERJA UBAH SUAI KEDIAMAN UNTUK REKA BENTUK BUMBUNG MODEN DI PUTRAJAYA



## SILA AMBIL PERHATIAN:

- Kerja-kerja pengubahsuaian bahagian hadapan rumah dalam kawasan Putrajaya adalah tertakluk kepada pemakaian undang-undang kecil 14A, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 (Pindaan 2000) yang menyatakan bahawa :-

  "*Walau apa pun peruntukan Undang-undang kecil 14, tiada seorang pun boleh mengubah bahagian hadapan apa-apa bangunan tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan.*"




3. Pemilik perlu **mendapatkan surat tiada halangan daripada jiran** sekiranya kerja-kerja tambahan / ubahsuai melibatkan bahagian rumah yang bersempadanan dengan rumah jiran. Semua kerja-kerja yang dijalankan hendaklah dikemaskan pada bahagian sebelah dalam dan luar dan hendaklah tidak menjadi suatu pemandangan yang tidak elok atau mengakibatkan aduan oleh jiran-jiran. Sebagai contoh, jika kerja-kerja sambungan itu melibatkan pembinaan dinding pemisah, maka dinding ini hendaklah dilepa dan dicatkan di kedua belah permukaan oleh pemilik bangunan yang membuat sambungan lebih dahulu.

4. Pemilik bangunan yang bercadang untuk membuat bangunan berpandukan kepada salah satu atau mana-mana ilustrasi di dalam buku panduan ini hendaklah mengemukakan kepada Bahagian Kawalan Bangunan, PPj. Tiga keping asal rajah kasar berkenaan bagi tiap-tiap jenis kerja-kerja kecil yang dicadangkan untuk dibina. Semua permohonan untuk kelulusan hendaklah dikemukakan bersama dengan borang yang disediakan.
5. Bagi tambahan/ubahsuai yang melibatkan kerja-kerja konkrit bertulang, perubahan atau penambahan struktur asal bangunan, dokumen tambahan berikut perlu dikemukakan :-
    - 1 salinan Pelan Struktur beserta kiraan struktur yang telah disahkan/diperakui oleh Jurutera Struktur Berdaftar
6. Bagi kerja-kerja yang melibatkan penambahan paip, *sanitary fittings*, perlu mengemukakan :-
    - 1 salinan *'Diagrammatic Sanitary Layout'* yang dijilid bersekali dengan lukisan bangunan.
7. Bagi kerja-kerja yang melibatkan penambahan ruang lantai *(GFA)*, perubahan rekabentuk fasad bangunan, perlu mengemukakan;
    - Surat Kelulusan/ Surat Tiada Halangan daripada Unit Rekabentuk Bandar, Bahagian Perancangan, Jabatan Perancangan Bandar.
8. Bagi kerja-kerja yang melibatkan pemecahan dinding sekatan *'party wall'*, atau penambahan dinding sekatan dalaman lain, perlu mengemukakan;
    - Sesalinan Surat Kelulusan Pelan Kebombaan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

**BAYARAN PELAN**

Pemilik dikehendaki membuat pembayaran yuran proses kepada PPj seperti yang diperuntukan dalam Jadual Pertama, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986.

9. Rajah kasar yang dari buku panduan ini tidak boleh dipinda atau diubahkan. Kegagalan untuk mematuhi kehendak ini akan mengakibatkan permohonan ditolak.

10. Pegawai-pegawai teknikal PPj akan memeriksa semua kerja-kerja binaan dan mengambil tindakan sewajarnya jika didapati sesuatu kesalahan yang timbul akibat daripada kerja-kerja binaan yang dibina tidak mengikut garis panduan ini.

11. Arkitek/Jurutera Berdaftar/ Pelukis Pelan Berdaftar/ Pemohon adalah bertanggungjawab untuk memastikan mutu bahan binaan bangunan dan infrastruktur yang dibina mematuhi pelan dan spesifikasi yang diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya untuk kelulusan.

12. **Sebarang kerja-kerja pindaan** kepada kelulusan asal pelan ubahsuai bangunan **hendaklah dikemukakan kepada Perbadanan Putrajaya untuk kelulusan.**

13. Sebarang perubahan/ tambahan/ pindaan **tanpa kelulusan daripada Perbadanan Putrajaya atau melencong daripada pelan yang telah diluluskan terdahulu adalah merupakan satu kesalahan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)** yang boleh dikenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya di bawah Akta yang sama.

**NOTA:**

Pemohon adalah digalakkan supaya merujuk kepada **Bahagian Senibina dan Ekspektorat Bangunan** untuk semakan awal terlebih dahulu sebelum mengemukakan pelan dan dokumen berkaitan di Kaunter OSC.

**PENTING:**

**Pelekat Kelulusan Hendaklah Dipamerkan** Sepanjang Pembinaan Dijalankan Sehingga Siap Pembinaan

Kerja-Kerja Pembinaan **Hanya Boleh Dijalankan Setelah Kelulusan Diperolehi** Daripada PPj.

# MUSTAHAK:

Sila pastikan anda telah lakukan perkara-perkara berikut sebelum mengemukakan permohonan:

- Borang permohonan yang diisi dengan betul, lengkap dan kemas.
- Borang KBUB- Semakan Permohonan Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai yang telah mendapat pengesahan daripada Bahagian Kawalan Bangunan.
- Menjelaskan fi proses pelan seperti mana jumlah bil yang dijana oleh sistem ES. Kadar fi proses pelan yang dikenakan adalah seperti dalam Jadual Pertama, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986. *Tambahan fi boleh dikenakan jika jumlah fi terdahulu tidak betul.*
- Sediakan salinan fotostat resit cukai taksiran terkini yang telah dijelaskan.
- Sediakan salinan fotostat suratan hak milik / perjanjian jual beli (S&P)
- Surat tiada halangan daripada jiran (sekiranya berkaitan).
- Dapatkan tandatangan arkitek/ pelukis pelan berdaftar pada ruangan yang disediakan pada rajah-rajah kasar yang akan dikemukakan kepada PPj.Kemukakan perkara-perkara di atas ke kaunter penerimaan OSC.

## PERINGATAN

- Kerja-kerja pengubahsuaian **TIDAK BOLEH** dimulakan sebelum suatu kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai diperolehi terlebih dahulu sepertimana telah yang ditetapkan mengikut seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). **Kegagalan mematuhinya membolehkan Perbadanan Putrajaya mengenakan fi berganda iaitu sebanyak sepuluh (10) kali gandaan fi pelan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986. Tiada sebarang sebarang rayuan pengurangan atau pengecualian akan dipertimbangkan oleh Perbadanan Putrajaya terhadap perkara tersebut di atas.**

## 3. UBAHSUAI DI BAHAGIAN HADAPAN FASAD (UNTUK KEDIAMAN JENIS TERES & BERKEMBAR)

---

- Sebarang kerja-kerja pengubahsuaian yang melibatkan perubahan **fasad hadapan** adalah **TIDAK DIBENARKAN.** Ini adalah untuk memelihara keindahan, keunikan dan keseragaman bangunan kediaman di Putrajaya sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas dalam Pelan Rancangan Tempatan (RT) bagi Kawasan Putrajaya.



Gambar: Pembinaan sengkuap/struktur berbumbung dibahagian *'porch'* adalah **TIDAK DIBENARKAN**






Gambar: Apa-apa penambahan bahan binaan/perubahan material/penukaran warna fasad bangunan sehingga mengubah rupabentuk fasad sediada adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

- PPj **hanya membenarkan pembinaan struktur tambahan kayu berbentuk pergola dan berbumbung *polycarbonate* atau menggunakan material bumbung asal sediada,** pada ruang jemuran (*dry-yard*) yang terletak di bahagian hadapan premis kediaman jenis tersebut sahaja.






- Struktur berbumbung tersebut walau bagaimanapun tidak boleh didirikan/dibina melebihi dinding ruang jemuran (*dry-yard*) sediada. Tambahan dinding ruang jemuran pada keadaan sediada juga tidak dibenarkan.

- Walau bagaimanapun, kebenaran pembinaan struktur kayu berbumbung di bahagian ruang jemuran (*dry-yard*) tersebut tidak membolehkannya dijadikan sebagai suatu ruang tertutup sehingga menyebabkan perubahan kepada fungsi asal ruang sediada tersebut.

  Contoh: Menjadikan ruang jemuran tersebut sebagai ruang dapur basah (*wet kitchen*).

**UBAHSUAI DI BAHAGIAN SISI & BELAKANG (UNTUK KEDIAMAN JENIS TERES & BERKEMBAR)**

**--------------------------------------------------------**

- Sebarang kerja-kerja pengubahsuaian yang melibatkan perubahan **fasad hadapan** adalah **TIDAK DIBENARKAN.** Ini adalah untuk memelihara keindahan, keunikan dan keseragaman bangunan kediaman di Putrajaya sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas dalam Pelan Rancangan Tempatan (RT) bagi Kawasan Putrajaya.



## PEMASANGAN PENEDUH TINGKAP/ SENGKUAP PADA BANGUNAN KEDIAMAN DI KAWASAN PUTRAJAYA

---------------------------------------------------------

### A). OBJEKTIF

Bagi mengawal perihal pemasangan dan reka bentuk struktur peneduh tingkap di kawasan Putrajaya dengan mengambil kira hal keselamatan dan penyeragaman rupa bentuk.

### B). ADAKAH KERJA PEMASANGAN STRUKTUR PENEDUH TINGKAP PERLU MENDAPAT KELULUSAN?

1.. Memasang struktur peneduh tingkap adalah merupakan kerja-kerja tambahan dan pengubah suaian adalah **PERLU** kelulusan dari Perbadanan Putrajaya.

2. Ini adalah bagi memastikan cadangan pemasangan tidak mencacatkan keseragaman reka bentuk keseluruhan pembangunan terutamanya bagi pembangunan rumah teres dan berkembar.

3. Tata cara permohonan adalah seperti dalam garis Panduan Kelulusan Pelan Kerja-Kerja kecil dan Ubah Suai Bangunan Kediaman Bagi Kawasan putrajaya.

### C). SYARAT-SYARAT PEMASANGAN

#### 1. Di mana struktur ini boleh dipasang?

Pemasangan struktur ini hanya dibenarkan pada tingkap sahaja. Bahagian-bahagian lain adalah tidak dibenarkan sama sekali. Ianya bertujuan sebagai peneduh dari sinaran mahatari terik dan juga tempias air hujan.

#### 2. Reka bentuk struktur peneduh tingkap

Reka bentuk struktur peneduh tingkap perlu seragam dengan reka bentuk bumbung sedia ada. Bagi memastikan keseragaman reka bentuk bangunan, reka bentuk peneduh tingkap adalah tertakluk kepada kelulusan dari Perbadanan Putrajaya.

## 3. Bahan-bahan yang dibenarkan

- **Struktur**

Bahan binaan yang dibenarkan adalah kayu dari jenis gred tinggi dan dicat. Penggunaan bahan lain selain kayu adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

- **Bumbung**

Bahan bumbung mestilah mengikut jenis bahan bumbung asal bangunan. Sekiranya bumbung asal adalah jubin konkrit maka struktur teduhan tingkap juga perlu menggunakan jubin konkrit.

## 4. Saiz unjuran bumbung

Panjang unjuran bumbung yang dibenarkan adalah maksimun 900mm dari dinding asal dengan kecuraman seperti kecuraman bumbung asal bangunan.

**5.** Contoh pemasangan struktur peneduh tingkap yang **DIBENARKAN.**



Contoh: **pemasangan sengkuap bentuk limas.**



Contoh: **pemasangan sengkuap bentuk moden**

## GARIS PANDUAN MENDIRIKAN BINAAN KECIL (PASANG SIAP/ *FREE STANDING*) PADA BANGUNAN KEDIAMAN BAGI KAWASAN PUTRAJAYA

---

### APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN STRUKTUR BINAAN KECIL?

Struktur binaan kecil adalah struktur binaan bersaiz kecil yang dibina samada secara teknik konvensional ataupun pasang siap. Ianya adalah struktur yang dibina secara berasingan atau tidak bersambung (detached/stand alone) dari mana-mana bahagian bangunan sedia ada. Contohnya wakaf, pargola, setor peralatan (pasang siap) dan rumah binatang.

Bagi mengawal perihal pemasangan dan reka bentuk struktur binaan jenis ini dalam kawasan Putrajaya dengan mengambil kira hal keselamatan dan penyeragaman reka bentuk sedia ada.

### ADAKAH KERJA-KERJA PEMASANGAN STRUKTUR BINAAN KECIL INI PERLU MENDAPAT KELULUSAN?

Struktur binaan di bawah kategori ini tidak perlu kelulusan dari Perbadanan Putrajaya.

Walau Bagaimana pun bagi memastikan cadangan pembinaan memenuhi aspek keselamatan dan keseragaman, pemilik adalah digalakkan untuk mengemukakan lakaran cadangan reka bentuk terlebih dahulu kepada Perbadanan Putrajaya bagi mendapatkan ulasan.

## SYARAT-SYARAT PEMBINAAN

---

1. Mana struktur ini boleh dipasang?

Pemilik boleh membina struktur binaan jenis ini dengan syarat:-

i. Perlu memastikan terdapat jarak kelegaan sebanyak 600mm antara unjuran bumbung dengan garisan sempadan. (sila rujuk rajah 1)

ii. Setiap lot rumah perlu mengekalkan kelulusan minimun sebanyak 30% bagi kawasan hijau




Contoh: **Wakaf Dan Unjuran Bumbung**



Contoh: **Wakaf Kayu**

## REKA BENTUK TAMBAHAN YANG DIBENARKAN

---------------------------------------------------

### Bahan Binaan

Bahan binaan yang dibenarkan hanyalah dari kayu bergred tinggi sahaja.

Bahan kemasan dan warna untuk bumbung hendaklah sama dengan jenis kemasan dan warna bumbung asal rumah.

### Lattice

Penggunaan lattice adalah dibenarkan dengan syarat:-

i. Saiznya kelebaran adalah tidak lebih dari 300mmtur yang di bina.

6. Kaedah pengaliran air dari bumbung:-

i. Disalirkan dengan baik ke longkang/ floor trap berhampiran.

ii. Tidak melepasi garisan sempadan lot.

### D). PERHATIAN PENTING

i. Keselamatan terhadap kaedah pemasangan struktur tambahan ini di permis adalah tanggungjawab pemilik dan penghuni permis sendiri. Sehubungan dengan itu, pemilikpermis kediaman bertanggungjawab memastikan pembinaan mengikut spesifikasi reka bentuk dan pemasangan yang telah diluluskan oleh PPj.



Contoh : **Lattice Di Dry Yard**

**GARIS PANDUAN PEMASANGAN GRILL PADA BANGUNAN KEDIAMAN BAGI KAWASAN PUTRAJAYA**

---------------------------------------------------------

**A). Objektif Garis Panduan Ini Diadakan**

1. Bagi mengawal perihal pemasangan dan penggunaan. jeriji di kawasan Putrajaya dengan mengambil kira halkeselamatan dan penyeragaman rekabentuk.

**B). Adakah Pemasangan Jeriji Perlu Mendapat Kelulusan?**

1. Memasang jeriji besi (*grille*) pada tingkap dan pintu adalahkerja-kerja tambahan dan pengubahsuaian yang tidakperlu kelulusan dari Perbadanan Putrajaya.

2. Walau bagaimanapun, bagi memastikan cadangan pemasangan jeriji memenuhi aspek keselamatan dan keseragaman, pemilik adalah digalakkan untuk mengemukakan lakaran cadangan pemasangan jeriji terlebih dahulu kepada Perbadanan bagi mendapatkan ulasan.

3. Pemasangan jeriji perlukan merujuk kepada garis panduan yang disediakan ini.

**C). SYARAT-SYARAT PEMASANGAN GRILL**

**1. Di mana jeriji boleh dipasang?**

Semua jeriji hendaklah dipasang di sebelah bahagian dalam ruang bangunan. Walau bagaimanapun, kelonggaran diberikan kepada bahagian-bahagian berikut:-

- Pintu masuk utama
- Pintu dapur
- Pintu gelongsor kaca

Pemasangan jeriji di sebelah luar tingkap adalah tidak dibenarkan sama sekali.

**2. Reka Bentuk Jeriji**

Penggunaan mana-mana reka bentuk motif dan corak adalah dibenarkan.

**3. Warna Yang Dibenarkan.**

Warna kemasan jeriji hendaklah datri tona warna semulajadi/ natural, hitam, putih, warna keluli termasuk warna bagi besi tempa (*wrought iron*)

## 4. Kaedah Pemasangan Jeriji Yang <u>DIBENARKAN.</u>



**Contoh 1** : Jeriji dipasang mengikut bingkai pintu/ tingkap



**Contoh 2** : Jeriji dipasang dengan dianjak ke hadapan. Kaedah pemasangan ini dibenarkan hanya sekiranya pintu masuk utama berada pada kedudukan *recessed* ke dalam.



**Contoh 3** : Jeriji dipasang selari dengan garisan asal bangunan. Kaedah ini hanya dibenarkan apabila terdapat dua dinding asal rumah dikedua-dua belah sisi.



**Contoh 4** : Jeriji dipasang bagi pintu gelongsor di balkoni dibenar dipasang di bahagian luar dan hendaklah mengikut rangka pintu.

**5. Kaedah Pemasangan Yang <u>TIDAK DIBENARKAN</u>**



**Contoh 1** : "*Boxed-up*" di bahagian balkoni.



**Contoh 2** : "*Boxed-up*" di bahagian bawah balkoni.



**Contoh 3** : "*Boxed-up*" di bahagian ruang jemuran.



**6. Spesifikasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.**

Pemasangan pengunci jeriji hendaklah dipasang dari jenis yang disyorkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

## 4. RAJAH KASAR / ILUSTRASI: PELAN UBAHSUAI KEDIAMAN YANG DIBENARKAN




**CONTOH PELAN BAGI TAMBAHAN PERGOLA**
**RUMAH TERES (INTERMEDIATE)**

**NOTA PENTING**

- Tambahan pergola baharu
- Panjang unjuran bumbung yang dibenarkan adalah maksimum 2400mm dari dinding asal bangunan dengan kecerunan tidak lebih dari 3˚ *(polycarbonet)* atau 17˚ *(roof tile)* dan hendaklah memastikan terdapat jarak kelegaan minimum 2000mm antara unjuran bumbung dan garisan sempadan **(untuk rumah teres intermediate)**




Pelan Pergola




Isometric

**CONTOH PELAN BAGI TAMBAHAN PAGOLA RUMAH TERES (END LOT)**

**NOTA PENTING**

- Tambahan pergola baharu
- Panjang unjuran bumbung yang dibenarkan adalah maksimum 2400mm dari dinding asal bangunan dengan kecerunan tidak lebih dari 3˚ *(polycarbonet)* atau 17˚ *(roof tile)* dan hendaklah memastikan terdapat jarak kelegaan minimum 2000mm antara unjuran bumbung dan garisan sempadan **(untuk rumah teres (end lot)**




Pelan Pergola




isometric

**NOTA PENTING**

- Tambahan pergola baharu
- Panjang unjuran bumbung yang dibenarkan adalah maksimum 2400mm dari dinding asal bangunan dengan kecerunan tidak lebih dari 3˚ *(polycarbonet)* atau 17˚ *(roof tile)* dan hendaklah memastikan terdapat jarak kelegaan minimum 2000mm antara unjuran bumbung dan garisan sempadan **(untuk rumah berkembar dan teres (corner lot)**

## CONTOH PELAN BAGI TAMBAHAN PAGOLA
## RUMAH BERKEMBAR DAN TERES (CORNER LOT)

CONTOH PELAN KESELURUHAN UNTUK KERJA-KERJA UBAH SUAI KEDIAMAN
UNTUK REKA BENTUK BUMBUNG MODEN DI PUTRAJAYA




**Pelan Pergola**




**Isometric**

**NOTA PENTING**

- Tambahan pergola baharu
- Panjang unjuran bumbung yang dibenarkan adalah maksimum 2400mm dari dinding asal bangunan dengan kecerunan tidak lebih dari 3° *(polycarbonet)* atau 17° *(roof tile)* dan hendaklah memastikan terdapat jarak kelegaan minimum 2000mm antara unjuran bumbung dan garisan sempadan **(untuk rumah sesebuah/ bungalow**

# CONTOH PELAN BAGI TAMBAHAN PAGOLA
# RUMAH SESEBUAH/BUNGALOW

UNTUK REKA BENTUK BUMBUNG MODEN DI PUTRAJAYA




**CONTOH PELAN KESELURUHAN UNTUK KERJA-KERJA UBAH SUAI KEDIAMAN UNTUK REKA BENTUK BUMBUNG MODEN DI PUTRAJAYA**




**Kerja Tambahan Pergola & Wakaf Kayu**



**Sengkuap dari jenis konkrit seragam dengan reka bentuk asal**




**Perspektif tambahan pergola**

**NOTA PENTING**

- Kerja-kerja tambahan baharu
- Bagi mengawal perihal pemasangan dan reka bentuk struktur binaan (pergola & sengkuap) dalam kawasan Putrajaya dengan mengambil kira hal keselamatan dan penyeragaman reka bentuk sedia ada.
- Panjang unjuran bumbung yang dibenarkan adalah maksimum 2400mm dari dinding asal bangunan dengan kecerunan tidak lebih dari 3° *(polycarbonet)* atau 17° *(roof tile)* dan hendaklah memastikan terdapat jarak kelegaan minimum 2000mm antara unjuran bumbung dan garisan sempadan **(untuk rumah sesebuah/ berkembar/ semi -d)**

# CONTOH CADANGAN PELAN UBAH SUAI PERGOLA DAN SENGKUAP

## UNTUK REKA BENTUK BUMBUNG MODEN DI PUTRAJAYA













**PERGOLA(A), SENGKUAP(B), DRY YARD(C)**
**WAKAF(D) , SETOR(E) DAN**
**RUMAH HAIWAN(F)**

**CONTOH PELAN KESELURUHAN UNTUK KERJA-KERJA UBAH SUAI KEDIAMAN UNTUK REKA BENTUK BUMBUNG LIMAS DI PUTRAJAYA**




PELAN PERGOLA TERES LOT TEPI










**NOTA PENTING**

- Cadangan ubah suai yang dibenarkan adalah sehingga ke dinding sedia ada dry yard sahaja.
- Bahan bumbung dari jenis polycarbonate lut sinar berwarna natural atau bahan sedia ada roof tile seperti rumah asal.
- Kecuraman bumbung policarbonate tidak lebih 3° dan 17° bagi roof tile.
- Tidak dibenarkan menggunakan struktur konkrit.

## CONTOH PELAN UBAH SUAI DRY YARD DINDING DI GARISAN SEMPADAN UNTUK RUMAH TERES TENGAH DAN TERES LOT TEPI




- Bumbung konkrit sedia ada
- Tambahan bahan louvers dari jenis aluminium baharu
- Tambahan bahan grill dari jenis keluli baharu
- Dinding Dry yard sedia ada
- Tambahan pintu kayu baharu

Ubah suai pada Dry Yard sediada (tapak 1)

**NOTA PENTING**

- Cadangan ubah suai yang dibenarkan adalah sehingga ke dinding sedia ada dry yard sahaja
- Bahan bumbung dari jenis polycarbonate lut sinar berwarna natural atau bahan sedia ada roof tile seperti rumah asal
- Kecuraman bumbung policarbonate tidak lebih 3° dan 17° bagi roof tile
- Tidak dibenarkan menggunakan struktur konkrit




- Tambahan binaan baharu
- Binaan Dry yard sedia ada di garisan sempadan

Ubah suai pada Dry Yard sediada (tapak 2)

## CONTOH CADANGAN PELAN UBAH SUAI DRY YARD SEDIA ADA UNTUK RUMAH TERES (INTERMEDIATE LOT , END LOT DAN CORNER LOT)

UNTUK REKA BENTUK BUMBUNG MODEN DI PUTRAJAYA



Pelan Bumbung Wakaf



Pandangan 1



Pandangan 2



Pandangan 3

Bahan binaan yang dibenarkan hanyalah dari kayu bergred tinggi sahaja.

Bahan kemasan dan warna untuk bumbung hendaklah sama dengan jenis kemasan dan warna bumbung asal rumah

## CONTOH PELAN PERINCIAN WAKAF KAYU

**NOTA:** Pemohon adalah digalakkan supaya merujuk kepada **Bahagian Senibina dan Ekspektorat Bangunan** terlebih dahulu berkaitan rekabentuk, ukuran maksima dan spesifikasi yang sesuai.




**CONTOH PELAN RUMAH HAIWAN**

**NOTA:** Pemohon adalah digalakkan supaya merujuk kepada **Bahagian Senibina dan Ekspektorat Bangunan** terlebih dahulu berkaitan rekabentuk, ukuran maksima dan spesifikasi yang sesuai.




## CONTOH PELAN SETOR

**NOTA:** Pemohon adalah digalakkan supaya merujuk kepada **Bahagian Senibina dan Ekspektorat Bangunan** terlebih dahulu berkaitan rekabentuk, ukuran maksima dan spesifikasi yang sesuai.




**5. CARTA ALIRAN: KELULUSAN PELAN KERJA-KERJA KECIL DAN UBAHSUAI KEDIAMAN**

PERBADANAN PUTRAJAYA

# CONTOH LAMPIRAN BORANG KEBENARAN MELETAK BAHAN BINAAN DI JALAN

PPj – PKJ (Borang OSC 1), Versi 2.0_Mei / 2014

PERBADANAN PUTRAJAYA
Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana, Presint 3,
62675 Putrajaya
Wilayah Persekutuan
Tel : 03-8000 8000
Faks: 03-8887 5003

## BORANG SEMAKAN PERMOHONAN BAGI KELULUSAN PERMIT KERJA

(Sila kemukakan borang permohonan yang lengkap dan ditaip dalam Bahasa Malaysia kepada Kaunter Urus Setia Pusat Setempat OSC, Perbadanan Putrajaya)
(Borang ini diberikan secara percuma dan boleh dibuat salinan)

**Jenis-jenis Permohonan Permit:** (Sila '√' pada ruang yang berkenaan).

- [ ] **Permohonan Permit Kerja di Jalan**
- [ ] **Permohonan Permit Kerja Meletak Bahan dalam Kawasan Rizab Jalan, Menutup Lorong/Jalan dan Laluan Logistik**
- [ ] **Permohonan Permit Kerja Kerja Malam**

Nota :
i. Perbadanan Putrajaya berhak menolak permohonan yang tidak lengkap.
ii. Borang ini boleh dipinda oleh PPj dari semasa ke semasa.
iii. Permohonan boleh dikemukakan oleh kontraktor jika kerja yang dikemukakan tidak melibatkan perunding.

Tandakan ( √ )/NA pada ruang yang berkaitan.

| BIL. | DOKUMEN YANG DIPERLUKAN | SEMAKAN PERUNDING | SEMAKAN JABATAN | SEMAKAN OSC |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Surat permohonan daripada kontraktor | | | |
| 2. | Borang permohonan yang telah lengkap diisi. | | | |
| 3. | Satu (1) salinan Jadual Kerja (*Schedule of Works*). **(bagi permohonan Permit Kerja Di Jalan/ Letak Bahan).** | | | |
| 4. | Satu (1) salinan Keterangan Kerja (*Method Statement*) bagi perlaksanaan kerja pembinaan berkaitan. **(bagi permohonan Permit Kerja Di Jalan/ Letak Bahan).** | | | |
| 5. | Surat kebenaran daripada pembekal utiliti (TNB, STMB, GAS dll) **(Jika Berkaitan).** | | | |
| 6. | Pelan utiliti (utility mapping) **(Jika Berkaitan).** | | | |
| 7. | Borang Senarai Semakan Pelan (SSKJ) **(bagi permohonan Permit Kerja Di Jalan/ Letak Bahan)** | | | |
| 8. | Dua salinan Pelan dalam bentuk kertas ( A3 ) dan diwarnakan. • Hendaklah dijilid dan digulung dengan kemas termasuk pelan lokasi | | | |
| 9. | Kiraan Terperinci Yuran Permohonan **(seperti jadual PK1).** | | | |
| 10. | Surat Lantikan Kerja dari Agensi yang berkaitan. | | | |
| 11. | Surat Kelulusan Kerja Tanah/ Jalan dan Perparitan dari Perbadanan Putrajaya **(bagi permohonan Permit Kerja Malam/ jika berkaitan).** | | | |
| 12. | Senarai maklumat seperti berikut **(bagi Permohonan Permit Kerja Malam)**: • Nama wakil kontraktor dan nombor telefon bimbit • Nama pegawai keselamatan dan nombor telefon bimbit • Senarai nama pekerja yang bekerja waktu malam • Masa bekerja | | | |
| | *NOTA : i. Tandakan N.A untuk ruangan yang tidak berkaitan. ii. Semua surat menyurat mestilah dalam Bahasa Melayu. iii. Perbadanan Putrajaya berhak menolak permohonan yang tidak lengkap. iv. Permohonan boleh dikemukakan oleh kontraktor jika kerja yang dikemukakan tidak melibatkan juru perunding. v. Wang cagaran akan dikira setelah permohonan diproses **( Bagi Permohonan Permit Kerja di Jalan).*** | | | |

**1/6**

PPj – PAB (Borang OSC 1), Versi 2.0_Mei / 2014

**UNTUK DIISI OLEH PERUNDING YANG BERKELAYAKKAN (PSP) :**

Disahkan bahawa butir-butir yang dikemukakan adalah betul dan mematuhi semua syarat-syarat yang dikuatkuasakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya.

**TAJUK PERMOHONAN** : ......................................................
(Perlu mencatatkan no. LOT/P.T. permohonan)
......................................................
......................................................
......................................................
......................................................

Nama Orang Utama Yang Mengemukakan : ......................................................
Nama Syarikat : ......................................................
Alamat Surat-menyurat : ......................................................
No. Telefon (Pejabat/Bimbit) : ......................................................
No. Faks : ......................................................
Alamat Email : ......................................................
Tandatangan & Tarikh : ......................................................

**UNTUK SEMAKAN AWAL OLEH BAHAGIAN KAWALAN INFRASTRUKTUR, JABATAN PEMBANGUNAN BANDAR :**

Ulasan Pegawai Menyemak : ......................................................
......................................................
......................................................
......................................................
......................................................

No. Telefon (Pejabat/ Bimbit) : ......................................................

**KEPUTUSAN** : **DISOKONG / TIDAK DISOKONG** (Sila potong mana yang tidak berkenaan)

Cap nama dan tandatangan :

Cap tarikh dan terima :

Nota kegunaan Urus Setia OSC :
(Sekiranya berkaitan)

**2/6**

Pelan Reka Bentuk Bumbung Moden
PERGOLA(A), SENGKU
WAKAF(C) , SETOR(D)
RUMAH HAIWAN(E)
CONTOH PELAN KESELURUHAN UNTUK KERJA-KERJA UBAH SUAI KEDIAMAN
UNTUK REKA BENTUK BUMBUNG MODEN DI PUTRAJAYA

PPj – PAB (Borang OSC 1), Versi 2.0_Mei / 2014

PUTRAJAYA

**JABATAN PEMBANGUNAN BANDAR**
**PERBADANAN PUTRAJAYA**

**PERMOHONAN KELULUSAN KERJA DI JALAN**

**BORANG PERMOHONAN**
**MENGEMUKAKAN PELAN-PELAN UNTUK KERJA DI JALAN**
**( Undang-Undang Kecil 4 )**

Tarikh Permohonan :..........................................................................

Nama Pemohon :..........................................................................

Nama Projek :..........................................................................

..........................................................................

Nama Orang Berkelayakan/Tukang Berdaftar :.....................................

No. Telefon :..........................................................................

Spesifikasi Kerja :..........................................................................

Tarikh Mula Kerja :..........................................................................

Tarikh Tamat Kerja :..........................................................................

Maklumat Lain :..........................................................................

Kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju untuk mematuhi Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan 1996 dan apa-apa terma atau syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan dan akan menanggung segala kos pematuhan itu.

.......................................
( Nama dan alamat pemohon dengan huruf besar )

.......................................
( Nama dan alamat orang berkelayakan dengan huruf besar dan cop )

**Untuk Kegunaan Pejabat** :

Permohonan diterima pada :

Permohonan diluluskan / ditolak pada :

No. Rujukan :

.......................................
(Tandatangan Pegawai Memproses)

**3/6**

PPj – PAB (Borang OSC 1), Versi 2.0_Mei / 2014

Borang SSKJ

PUTRAJAYA

**JABATAN PEMBANGUNAN BANDAR**
**PERBADANAN PUTRAJAYA**
**Senarai Semakan Pelan Kerja Di Jalan/ Tutup Lorong/Jalan**
**Serta Meletakkan Bahan-Bahan Di Tapak Bina**

Projek : ______________________ No. Pendaftaran ______________

Kontraktor : ______________________ Perunding : ______________________

Alamat : ______________________ Alamat : ______________________

No. Tel : ______________________ No. Tel : ______________________
No. Fax : ______________________ No. Fax : ______________________
E-Mail : ______________________ E-Mail : ______________________

| Bil. *Item* | Perkara *Description* | ✓ | Catatan * *Remarks* | Untuk Kegunaan Pejabat / *For Office Use* ✓ | Ulasan *Comment* | Kemukakan Semula *Resubmission* | Dipatuhi *Complied* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Pelan - saiz A3 *Plan - A3 size* | | | | | | |
| | a 2 salinan pelan biasa (diwarnakan) *2 copies blue print (coloured)* | | | | | | |
| 2 | Pelan mesti merangkumi butir-butir berikut : *Plans shall comprise of the following :* | | | | | | |
| | a Penunjuk arah utara *North point indicator* | | | | | | |
| | b Lokasi tapak kerja *Site location* | | | | | | |
| | c Lokasi tempat meletak bahan-bahan yang dicadangkan *Proposed location of depositing material* | | | | | | |
| | d Lokasi tapak pembuangan bahan yang dicadangkan *Proposed dumping site* | | | | | | |

* *Tandakan N.A. untuk ruangan yang tidak berkaitan.*

1/2

**4/6**

PPj – PAB (Borang OSC 1), Versi 2.0_Mei / 2014

SSKJ

| Bil. *Item* | Perkara *Description* | ✓ | Catatan * *Remarks* | Untuk Kegunaan Pejabat / *For Office Use* ✓ | Ulasan *Comment* | Kemukakan Semula *Resubmission* | Dipatuhi *Complied* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | e Edaran lalu lintas sedia ada *Existing traffic movement* | | | | | | |
| | f Laluan pergi / balik pengangkutan *Transportation route* | | | | | | |
| | g Kedudukan 'hoarding' *Hoarding position* | | | | | | |
| 3 | Butirjelas yang diperlukan : *Details required :* | | | | | | |
| | a Susunan 'traffic signage' untuk 'temporary work' berdasarkan 'Signage and Advertisement Design Guide for Putrajaya' *Traffic signage arrangement for temporary works in accordance to 'Signage and Advertisement Design Guide for Putrajaya'* | | | | | | |
| 4 | 1 salinan Keterangan Kerja *1 copies of Method Statement* | | | | | | |
| 5 | 1 salinan Jadual Kerja *1 copies of Work Schedule* | | | | | | |

Dikemukakan oleh :
*Submitted by :*
(Tandatangan & Cop Kontraktor)
*(Contractor Sign & Chop)*

**Perbadanan Putrajaya**

Disemak oleh :
*Checked by :*

Disahkan oleh :
*Certified by :*

* *Tandakan N.A. untuk ruangan yang tidak berkaitan.*

2/2

**5/6**

PPj – PAB (Borang OSC 1), Versi 2.0_Mei / 2014

PERBADANAN PUTRAJAYA

Projek:

Perunding/Alamat :

Pemaju/Alamat :

**KIRAAN FI KERJA DI JALAN**

| Bil | Perkara | Kadar | Kuantiti | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kerja-kerja yang melibatkan pengorekan | RM 0.50 | M | |
| 2. | Kerja-kerja yang melibatkan tiang atau setiap struktur atau kelengkapan yang seumpamanya. | RM 10.00 | No. of unit | |
| 3. | Kerja-kerja yang melibatkan pembinaan bilik kemudahan (utiliti chamber) atau lurang. | RM10.00 | No. of unit | |
| 4. | Bagi tempoh hari bekerja bagi pelaksanaan projek. (Bagi tempoh 7 hari atau sebahagian daripadanya). | RM 10.00 | Tempoh (hari) | |
| | Jumlah Yang Perlu Dibayar | | | |

Pelan Reka Bentuk Bumbung Moden

**6/6**

PERGOLA(A), SENGKUAP(B), WAKAF(C) , SETOR(D) DAN RUMAH HAIWAN(E)



Perspektif hadapan

**- END -**

**Edisi1/9.9.14**

Perspektif sisi kiri & belakang

Perspektif sisi kanan

CONTOH PELAN KESELURUHAN UNTUK KERJA-KERJA UBAH SUAI KEDIAMAN UNTUK REKA BENTUK BUMBUNG MODEN DI PUTRAJAYA